

Ragam Bahasa Komen Instagram Berkaitan Berita Palsu Situasi Gelombang Kedua Pandemi COVID-19

*Language Variation Regarding Fake News During COVID-19 2nd Wave in Instagram
Comments*

Zulfadzlee bin Zulkiflee
24zulfadzlee@gmail.com

Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Brunei Darussalam, BRUNEI DARUSSALAM

Published: 14 April 2022

To cite this article (APA): Zulkiflee, Z. (2022). Ragam Bahasa Komen Instagram Berkaitan Berita Palsu Situasi Gelombang Kedua Pandemi COVID-19. *PENDETA*, 13(1), 22-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.3.2022>

ABSTRAK

Kepelbagaian gaya bahasa wujud dalam media sosial untuk menyampaikan maklumat, mengusulkan pendapat, kritikan bahkan bertujuan mengongsikan ilmu. Negara Brunei Darussalam telah dilanda gelombang kedua penularan wabak COVID-19. Justeru pelbagai isu telah timbul sehingga mencetuskan penyebaran berita palsu dalam media sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti tentang ragam bahasa yang digunakan dalam media sosial khususnya *Instagram* berkaitan isu pandemik COVID-19. Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian didasari oleh kerangka konsep ragam bahasa Za'ba (2002) dalam menganalisis data kajian. Kaedah kepustakaan juga telah digunakan sebagai panduan kajian. Data kajian terdiri dari komen-komen netizen berkaitan berita palsu yang tular tentang sekatan pergerakan penuh (*full lockdown*) dalam akaun *Instagram* Kementerian Kesihatan Brunei (@mohbrunei). Hasil kajian mendapati sebanyak sembilan ragam bahasa digunakan oleh netizen. Antaranya ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa melampau dan ragam bahasa berulang. Rumusnya, penggunaan ragam bahasa yang berlainan telah memperlihatkan niat seseorang dalam menyampaikan kata-kata. Di samping itu, media sosial seperti *Instagram* mempunyai pengaruh yang besar dalam menyampaikan maklumat sekali gus dapat dikenal pasti kepelbagaian ragam bahasa yang digunakan sehingga dapat mengidentifikasi kelompok sosial di sesebuah negara.

Kata kunci; media sosial, *Instagram*, ragam bahasa, COVID-19

ABSTRACT

A variety of language forms exist in social media to convey information, opinions, critique and even to share knowledge. Negara Brunei Darussalam has been devastated by the second wave of global pandemic COVID-19. Thus various issues have arisen such as the spread of fake news on social media regarding COVID-19. Therefore, this study examines the variety of language used in social media, specifically *Instagram*, related to the COVID-19 pandemic. This study was conducted using the descriptive qualitative method using the conceptual framework language variation of Za'ba (2002). The data consisted of netizens' comments related to contagious fake news about the full lockdown in the *Instagram* account of the Ministry of Health Brunei (@mohbrunei). The results of the study found that a total of nine language variations are used by netizens. Among them are the satirical language, the extreme language and the repetitive language. In summary, the use of different varieties of language has shown individual's intention in conveying words. In addition, social media such as *Instagram* has a great influence in conveying information and at the same time can identify the language variation used.

Keywords; social media, *Instagram*, language variation, COVID-19

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi pada era globalisasi telah menjadikan komunikasi semakin sulit untuk dilakukan dan membawa pengaruh besar terhadap perkembangan bahasa. Kepelbagaian bahasa wujud dengan variasi yang sangat besar membawa dampak terhadap perkembangannya sehingga dapat mengidentifikasi kelompok sosial. De Saussure (1995) berpendapat bahasa akan sentiasa mengalami evolusi dan terus mengalami perubahan seiring dengan perubahan yang berlaku terhadap pengguna bahasa. Penggunaan bahasa yang teratur sebagai alat untuk berkomunikasi adalah penting bagi mewujudkan komunikasi yang efektif dan harmoni. Sebaliknya, penggunaan bahasa yang kurang sopan akan menyebabkan berlakunya konflik serta kesalahfahaman dalam berkomunikasi sehingga menimbulkan ketidaksantunan dalam berbahasa. Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2012) berpendapat kesantunan dalam berbahasa sudah tidak lagi digunakan sepenuhnya oleh masyarakat dan gejala tersebut semakin berleluasa tanpa disedari. Media sosial merupakan sebuah platform norma baharu yang lazim mencetuskan kecelaruan dalam berbahasa sehingga memberi dampak negatif jika tidak dikawal dan berterusan.

Pada masa sekarang, dunia sedang dilanda dengan pandemik COVID-19 seperti yang telah dinyatakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang disahkan di Wuhan, China (Mujeeb Khan et al., 2021). Di Negara Brunei Darussalam (seterusnya NBD) penularan wabak COVID-19 bermula pada 9 Mac 2020 yang disahkan jangkitannya daripada perkumpulan Tabligh Jamaat di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur (Wong et al., 2020). Dengan hasil kerjasama dan usaha Kementerian Kesihatan serta penduduk di NBD, Brunei telah mencatatkan kes sifar tempatan jangkitan COVID-19 selama 457 hari. Namun, pada 7 Ogos 2021, NBD telah dihabarkan dengan tujuh kes tempatan baru jangkitan wabak COVID-19 dan secara tidak langsung telah menjadikan Brunei mengalami gelombang kedua penularan jangkitan COVID-19.

Gelombang kedua wabak COVID-19 telah menyebabkan timbul perspektif dan pelahiran pendapat dalam kelompok sosial di NBD untuk menangani situasi tersebut. Dalam meneliti arus pemodenan, media sosial memang tidak asing lagi dijadikan platform dalam menyampaikan maklumat dan isu-isu semasa. Media sosial *Instagram* merupakan salah satu platform untuk mengusulkan pendapat, komen, perspektif dan pelbagai bentuk ujaran secara tulisan atau teks. Penggunaan kepelbagaian ragam bahasa secara tidak sedar telah digunakan dan dapat dilihat melalui hal-hal yang sering tular terutama sekali di media sosial seperti *Instagram*. Oleh demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bentuk ragam bahasa yang digunakan dalam ruang komen *Instagram* khususnya berkaitan dengan isu semasa, iaitu pandemik COVID-19 di NBD.

PERMASALAHAN KAJIAN

Media sosial merupakan antara medium atau sebuah platform bertujuan menghubungkan manusia seluruh dunia secara dalam talian dengan mudah. Kemudahan tersebut telah mempengaruhi ramai pengguna sama ada daripada golongan muda mahupun dewasa. Penyebaran maklumat akan berjalan dengan lebih pesat dengan adanya platform media sosial (Ainal Akmar Ahmad, Yahya, Hashim dan Mahmor, 2016). Pada masa yang sama, pelbagai gaya bahasa digunakan supaya penyebaran maklumat tersebut berjalan dengan lancar dan mesej yang cuba disampaikan itu tercapai. Simon Kemp dalam Amirah, Noriza, Norizah dan Nurrissammimayantie (2019) menjelaskan lebih daripada separuh penduduk di dunia sekarang berada dalam talian. Sebagai contoh media sosial aplikasi *Instagram* merupakan sebuah aplikasi sangat berpengaruh dalam menyampaikan maklumat terkini, untuk berkomunikasi, sebagai platform mengembangkan perniagaan bahkan sebagai pautan untuk berkongsi ilmu sama ada dalam bentuk gambar, video mahupun teks.

Dalam dunia teknologi maklumat, penyebaran berita palsu menjadi fokus dalam media sosial. Penyebaran tersebut merupakan penyampaian maklumat yang diputarbelitkan sehingga informasi yang cuba disampaikan dianggap benar oleh kelompok masyarakat. Hal itu secara tidak langsung membangkitkan isu dan kekacauan kepada sesebuah kelompok masyarakat sehingga wujudnya pendapat, perspektif serta pandangan yang tidak sewajarnya. Pada masa kini, berita hangat yang sentiasa dinanti-nantikan pengguna media sosial ialah maklumat terkini situasi COVID-19. Penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan kira-kira 4.8 juta nyawa di seluruh dunia (Covid map: Coronavirus cases, deaths, vaccinations by country, 2021) dan memberi kesan terhadap ekonomi global. Abodunrin,

Oloye dan Adesola (2020) menyatakan wabak COVID-19 telah menjejaskan ekonomi global secara drastik berbanding krisis ekonomi global pada tahun 2008. Ragam bahasa merupakan alternatif untuk mengenal pasti kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan dalam media sosial. Ragam bahasa dapat didefinisikan sebagai variasi bahasa yang terbentuk atas dasar penggunaannya serta berkaitan dengan situasi tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016).

Penggunaan ragam bahasa dalam media sosial perlu dilihat agar penutur sedar akan kesesuaian memilih gaya bahasa dalam menyampaikan dan mengemukakan pandangan selain menjaga identiti sebagai sebuah kelompok sosial. Hal tersebut juga akan melambangkan kesopanan dalam berbahasa serta adab sesuatu kelompok masyarakat. Selaras dengan pendapat Awang Sariyan (2007), kesantunan bahasa merupakan penggunaan bahasa yang baik dan sopan serta mencerminkan peribadi antara pihak penutur atau pendengarnya. Menurut Asmah (2007), ragam bahasa dapat dikenal pasti melalui penggunaan dalam beberapa aspek seperti leksikal, sintaksis, semantik dan ciri-ciri khusus berdasarkan penggunaannya. Oleh itu, kajian ini akan meninjau penggunaan gaya bahasa khususnya mengenal pasti jenis-jenis ragam bahasa yang terdapat dalam ruang komen *Instagram* Kementerian Kesihatan (@mohbrunei) dengan menggunakan pendekatan ragam bahasa Za'ba (2002). Isu yang dikaitkan ialah berita palsu tentang sekatan pergerakan penuh (*full lockdown*) semasa situasi gelombang kedua COVID-19 di NBD.

KONSEP RAGAM BAHASA

Dalam berkomunikasi, ragam bahasa penting untuk menyesuaikan bentuk komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan. Oleh itu, wujudnya istilah ragam bahasa atau disebut juga sebagai variasi bahasa. Terdapat beberapa pendapat dan jenis ragam bahasa yang dikemukakan oleh para sarjana. Contohnya, Kridalaksana (1993) mendefinisikan ragam bahasa sebagai variasi bahasa yang terbentuk disebabkan beberapa faktor seperti topik yang dibicarakan, hubungan antara penutur dengan tindak tutur dan medium pembicaraan. Penggunaan ragam bahasa perlu disesuaikan dengan situasi dan keadaan supaya pendengar atau pembaca dapat memahami apa yang cuba disampaikan. Gibbon dalam (Faridah Nazir, 2013) membahagikan ragam bahasa kepada tiga, iaitu ragam sosial, ragam fungsional; laras bahasa dan ragam kawasan; dialek. Dari sudut sosiolinguistik, ragam bahasa dapat dibahagikan kepada dua yang dikenali sebagai ragam bahasa geografi dan ragam bahasa sosial (Media Sandra Kasih, 2003). Manakala Coder (1973) mengklasifikasikan ragam bahasa kepada ragam dialek, ragam idiolek dan ragam sosiolek.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan konsep dan pendekatan ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba. Za'ba (2002) mendefinisikan ragam bahasa sebagai gaya penggunaan bahasa yang terdiri dari bentuk lisan (percakapan) atau gaya tulisan (karangan) sebagai menguatkan tujuan kata supaya dapat memberi fahaman yang jelas kepada pendengar atau pembaca. Za'ba (2002) mengklasifikasikan ragam bahasa kepada 15 jenis. Jenis ragam bahasa tersebut ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa menggiat, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa terbalik, ragam bahasa merajuk, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa herdik, ragam bahasa melampau, ragam bahasa merendah, ragam bahasa naik, ragam bahasa seruan atau mengeluh, ragam bahasa berulang, ragam bahasa bertimbal, ragam bahasa bukan dan ragam bahasa jenaka.

Ragam bahasa sindiran merupakan suatu ragam yang dibuat dengan tujuan menegur seseorang. Ragam ini bersifat tidak jelas, bahkan mengandungi kiasan terhadap perkara-perkara lain. Selain itu, ragam bahasa sindiran juga bersifat tergantung dan tidak lengkap perkataannya. Ragam bahasa menggiat pula merupakan bahasa yang kurang tepat dan hampir sama dengan ragam bahasa sindiran tetapi tidak mengandungi bahasa kiasan. Ragam bahasa ini digunakan untuk bergurau-senda dan mengusik sehingga menimbulkan perasaan malu kepada pendengar atau pembaca. Ragam bahasa mengejek pula adalah ragam bahasa yang mengata terhadap seseorang atau satu kelompok dengan tujuan memburuk-burukkan atau mempermainkan seseorang. Ragam bahasa ini lazimnya dibuat untuk memperbodohkan atau supaya seseorang itu ditertawakan sehingga menimbulkan perasaan marah atau sakit hati. Ragam bahasa terbalik pula mempunyai maksud yang bertentangan dengan perkataan yang dituturkan. Ragam bahasa ini selalunya bertujuan memberi kesedaran kepada seseorang itu terhadap perbuatan yang dilakukannya (Za'ba, 2002).

Ragam bahasa merajuk pula lebih kepada ragam bahasa yang memperlihatkan perasaan kecil hati sebagai reaksi terhadap perkara yang dilakukannya. Seterusnya, ragam bahasa tempelak merupakan

bahasa yang menunjukkan kesalahan seseorang secara langsung dan tepat bertujuan menyedarkan tentang kesalahan atau perkara yang dilakukan. Hampir sama dengan ragam bahasa herdik yang bertujuan menunjukkan kesalahan seseorang. Namun kesalahan lebih memfokuskan terhadap kesalahan pada masa sekarang bukan yang telah lalu. Bahasanya juga bersifat sedikit kasar dengan sedikit perasaan mengejek. Manakala ragam bahasa melampau ialah apabila seseorang memperbesar-besarkan sesuatu perkara dari hal yang sebenar. Namun, maksud yang cuba disampaikan sudah difahami dan diketahui oleh pendengar atau pembaca. Ragam bahasa merendah pula ialah menyatakan sesuatu itu secara kecil atau kurang sifatnya bertujuan merendahkan diri. Walaupun hal tersebut secara dasarnya tidak kecil dari perkara yang dinyatakannya (Za'ba, 2002).

Kemudian ragam bahasa naik merupakan penggunaan bahasa yang secara perlahan menaik dalam menggambarkan sesuatu perkara sehingga mencapai titik puncak ujaran. Ragam bahasa seruan atau mengeluh pula ialah satu ragam bahasa yang bertujuan meluahkan perasaan kecewa atau kesal. Seterusnya ragam bahasa berulang merupakan apabila bahasa tersebut dinyatakan secara mengulang atau berkali-kali dengan tujuan untuk memperkukuhkan dan menguatkan lagi maksud yang cuba disampaikan seperti pengulangan dari aspek kata atau frasa. Ragam bahasa bertimbal menurut Za'ba (2002) ialah ragam bahasa yang mengandungi dua perkara yang dilihat bertentangan tetapi disampaikan dalam satu ayat atau ujaran yang sama. Manakala ragam bahasa bukan pula ialah bahasa yang menyelitkan penggunaan kata 'bukan' sebelum perkataan lain, tetapi tujuan penggunaan 'bukan' tersebut adalah untuk memperkuat pernyataan 'ya' bagi perkara yang cuba disampaikan. Ragam bahasa terakhir ialah ragam bahasa jenaka yang berbentuk hiburan untuk bersenda dan bergurau (Za'ba, 2002). Berdasarkan penjelasan ringkas jenis-jenis ragam bahasa ini, kajian akan meneliti ragam bahasa dalam ruang komen *Instagram* Kementerian Kesihatan Brunei (@mohbrunei) berkaitan berita tular palsu isu mesyuarat antara menteri-menteri tentang penutupan dan penyekatan sepenuhnya (*full lockdown*) situasi gelombang kedua pandemik COVID-19 di NBD.

KAJIAN LITERATUR

Ragam bahasa merupakan antara kajian linguistik yang sudah lama diterokai. Kajian ragam bahasa lazimnya bertujuan mengenal pasti jenis-jenis variasi bahasa yang digunakan oleh pengguna sama ada secara lisan mahupun tulisan. Kajian ragam bahasa secara tidak langsung juga dapat memperlihatkan identiti dan budaya sesuatu kelompok sosial. Dalam hal ini, bahasa merupakan sebuah alat yang membentuk identiti penggunanya dan tidak hanya membuktikan realiti yang merujuk terhadap fakta yang ada (Piliang, 2003). Sebelum wujudnya media sosial, kajian ragam bahasa lazimnya tertumpu terhadap penggunaan bahasa dalam pertuturan seperti ceramah, pidato, pertuturan dari aspek politik. Kajian ragam bahasa juga tidak lari terhadap penggunaan bahasa dalam bidang sastera seperti puisi dan novel. Contohnya kajian Arba'ie (2010) yang membincangkan tentang ragam bahasa dan peranannya dalam bidang sastera.

Antara contoh kajian ragam bahasa dalam novel ialah seperti '*Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel 'Kasyaf Ain'*' oleh Norazilah, Nor Azlili dan Nik Norazira (2020). Dalam penulisan sesebuah karya, ragam bahasa digunakan bagi memperkuat dan menghidupkan lagi gaya dan watak sesebuah penceritaan supaya dapat memberi kesan kepada para pembaca. Novel *Kasyaf Ain* merupakan sebuah novel yang mengandungi pelbagai jenis ragam bahasa bersifat disfemisme oleh Ramlee Awang Mursyid. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis ragam bahasa dalam novel *Kasyaf Ain*. Kajian berbentuk kualitatif deskriptif dan analisis dilakukan berdasarkan kerangka konsep ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba (2002). Hasil kajian mendapati, novel *Kasyaf Ain* menggunakan ragam bahasa yang mudah difahami serta menarik. Antara ragam bahasa yang dikenal pasti ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa menggiat, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa herdik dan ragam bahasa melampau. Hasil kajian memperlihatkan bahawa novel *Kasyaf Ain* karya Ramlee Awang Mursyid merupakan sebuah karya novel yang kreatif dan mampu menghidupkan watak dan gaya sesebuah penceritaan.

Kajian ragam bahasa berkaitan media sosial adalah seperti '*Tiktok Terhadap Variasi Bahasa Kolokial Pada Kalangan Remaja Indonesia (Kajian Etnolinguistik)*' oleh Andriyana, Iswatiningsih, Mahmud, Yulianti dan Trang (2021). *Tiktok* merupakan antara platform media sosial yang sedang hangat digemari oleh golongan remaja untuk mengekspresikan diri dan sebagai tempat untuk berkomunikasi. Pelbagai ragam bahasa dapat dikenal pasti dalam *Tiktok* yang disebabkan oleh faktor-

faktor sosial dan situasi. Kajian menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis pengaruh *Tiktok* terhadap variasi bahasa kolokial remaja dan teman sejawat yang memfokuskan terhadap kajian etnolinguistik. Isu yang ditimbulkan dalam penelitian tersebut ialah bagaimana media sosial *Tiktok* mempengaruhi bahasa kolokial para remaja. Kajian dilakukan terhadap pelajar SMA 1 Kejayan Jawa Timur dan mahasiswa Universitas Kuningan Jawa Barat. Hasil kajian mendapati variasi bahasa kolokial dalam kalangan remaja dalam media sosial *Tiktok* terdiri daripada bentuk anamatope, pronomina dan ayat.

Semenjak dunia dilanda pandemik besar COVID-19, kajian berkaitan ragam bahasa juga tidak lari dalam mengusulkan penelitian terhadap bahasa dan istilah yang wujud semasa penularan COVID-19. Seperti kajian Wahyu Oktavia dan Nur Hayati (2020) berjudul '*Pola Karakteristik Ragam Bahasa Istilah Pada Masa Pandemi COVID 19 (Coronavirus Disease 2019)*'. Bahasa bersifat arbitrer dan perubahan bahasa akan sentiasa berkembang dengan pesat tambahan lagi dengan timbulnya isu global pandemik COVID-19. Kajian ragam bahasa ini lebih memfokuskan terhadap pendeskripsian pola karakteristik ragam bahasa istilah pada sepanjang penularan wabak COVID-19. Kajian berbentuk kualitatif secara deskriptif. Hasil kajian mendapati sebanyak 38 data pola karakteristik ragam bahasa secara menyeluruh istilah COVID-19. 14 data merupakan bentuk bahasa Inggeris, 9 data pula bentuk sinonim, 10 data berbentuk singkatan dan 5 data pula merupakan ciri akronim. Antara contoh data akronim yang didapati berkaitan istilah COVID-19 ialah SARS-Cov-2 yang bermaksud *Sever Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2*.

Seterusnya kajian ragam bahasa berkaitan COVID-19 oleh Vivi Arianti (2020) dalam '*An Analysis of Language Variation on COVID-19 Vlog*'. Berbanding kajian ragam bahasa lain seperti novel dan media sosial, kajian ini menganalisis ragam bahasa dalam vlog khususnya isu COVID-19. Fokus kajian ialah untuk mengenal pasti dan membincangkan jenis variasi bahasa yang direalisasikan dalam vlog COVID-19 serta mengenal pasti penggunaannya dalam vlog tersebut. Kajian berbentuk kualitatif secara deskriptif. Hasil penelitian mendapati data kajian berbentuk daftar dan fungsi. Dalam bentuk daftar dibahagikan kepada dua terdiri daripada daftar bahasa seperti istilah 'COVID-19' dan persekitaran seperti 'Self-Isolation' dan 'Disinfectant'. Daftar bahasa yang dimaksudkan di sini ialah proses morfologi singkatan (*abbreviation*). Manakala bentuk fungsi pula diklasifikasikan kepada fungsi instrumental seperti '*Pandemic*' dan peraturan seperti '*Social Distancing*' dan '*Physical Distancing*'.

Kajian-kajian lepas menunjukkan kepelbagaian takrif ragam bahasa dan pendapat terutama sekali dalam penganalisan data kajian. Walau bagaimanapun, kajian ragam bahasa berkaitan isu COVID-19 banyak dibuat dengan pendekatan dan kerangka konsep yang berbeza-beza. Lazimnya kajian tertumpu terhadap penggunaan istilah-istilah baru atau lebih dikenali sebagai neologisme dalam mengenal pasti ragam atau variasi bahasa yang digunakan. Penelitian hanya dibuat secara umum iaitu tanpa menggunakan pendekatan atau kerangka konsep berkaitan ragam bahasa dalam bidang linguistik serta tidak dianalisis secara mendalam. Sebagai contoh dalam kajian Wahyu Oktavia & Nur Hayati (2020) dan Vivi Arianti (2020) yang hanya memfokuskan terhadap ragam bahasa istilah dalam penularan wabak COVID-19. Berbeza dengan kajian Norazilah Buhari et al. (2020) yang menganalisis jenis-jenis ragam bahasa dalam novel Kasyaf Ain dan membincangkan analisis kajian berdasarkan kerangka konsep ragam bahasa Za'ba (2002). Oleh demikian, kajian ini akan meneliti jenis-jenis ragam bahasa berdasarkan pendekatan ragam bahasa Za'ba (2002) berkaitan isu COVID-19 khususnya isu tular dalam media sosial *Instagram* tentang situasi gelombang kedua pandemik COVID-19 di NBD.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan secara deskriptif. Kaedah kualitatif merupakan penghasilan penerangan serta pemerhatian dalam sesebuah kajian dan lazimnya dihubungkan dengan interpretasi dalam beberapa bentuk seperti komunikasi (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Di samping itu, kaedah kepustakaan juga telah digunakan seperti merujuk kajian-kajian lepas tentang ragam bahasa dari jurnal-jurnal, Latihan Ilmiah serta buku-buku yang berkaitan dengan konteks dan skop kajian. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kerangka konsep ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba (2002) dalam buku '*Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*'. Kajian memfokuskan terhadap jenis-jenis ragam bahasa yang digunakan oleh pengguna media sosial atau netizen khususnya dalam *Instagram* berkaitan isu COVID-19 yang tular.

Data kajian dikutip dalam ruang lingkup komen *Instagram* khususnya akaun Kementerian Kesihatan Brunei iaitu @mohbrunei yang dimuat naik pada 26 September 2021. Aplikasi ini dipilih kerana *Instagram* merupakan antara platform yang memudahkan pengguna berkongsi segala maklumat, pendapat, saranan selain fungsi utamanya untuk berkongsi gambar dan video. Tambahan juga *Instagram* merupakan paling banyak dimuat turun dalam tempoh 24 jam semasa pelancarannya pada tahun 2010 (Kelly Lux, 2011). Keadaan ini membuktikan aplikasi tersebut telah mempengaruhi pengguna media sosial. Sebanyak 214 komen dikumpulkan dan dimuat turun secara rawak. Data kajian merupakan penularan berita palsu berkaitan isu mesyuarat antara menteri-menteri tentang penutupan dan penyekatan sepenuhnya (*full lockdown*) situasi gelombang kedua COVID-19 yang digambarkan bertempat di salah sebuah dewan di International Convention Centre (ICC) (rujuk Lampiran A).

Data kajian diteliti dengan melihat aspek leksikal, frasa dan ayat yang mengandungi variasi bahasa selaras dengan konsep ragam bahasa yang digunakan dalam kajian, ragam bahasa Za'ba (2002). Berdasarkan penelitian dalam pengumpulan data, kecenderungan netizen dalam menggunakan ragam bahasa jelas memperlihatkan identiti sebagai sebuah kelompok sosial khususnya dalam konteks masyarakat di Brunei. Setelah data kajian dikumpulkan, data kemudian dianalisis dengan mengelompokkan beberapa contoh berdasarkan jenis ragam bahasa oleh Za'ba (2002). Dalam hal ini, hanya jenis ragam bahasa yang paling kerap dijumpai dalam data kajian akan dianalisis dan dibincangkan. Ragam bahasa tersebut ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa herdik, ragam bahasa melampau dan ragam bahasa berulang. Ragam bahasa ini memang tidak dinafikan kerap digunakan atas dasar fungsi media sosial itu sendiri seperti *Instagram*, iaitu sebagai platform untuk mewujudkan hubungan dan berinteraksi dengan orang ramai dalam satu masa serta menghantar pesanan, memuat naik gambar dan video.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Berdasarkan penelitian yang dibuat, sebanyak sembilan ragam bahasa dikenal pasti dalam komen akaun *Instagram* Kementerian Kesihatan Brunei (@mohbrunei) berkaitan isu berita palsu tentang penutupan dan penyekatan sepenuhnya (*full lockdown*). Ragam bahasa tersebut ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa terbalik, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa herdik, ragam bahasa melampau, ragam bahasa naik, ragam bahasa seruan atau mengeluh dan ragam bahasa berulang. Namun, dalam bahagian ini, hanya lima ragam bahasa (yang paling dominan) dibincangkan, iaitu ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa herdik, ragam bahasa melampau dan ragam bahasa berulang.

1) RAGAM BAHASA SINDIRAN

Menurut Za'ba (2002), ragam bahasa sindiran merupakan pernyataan yang disampaikan oleh penutur terhadap seseorang tanpa dinyatakan secara jelas.

Jadual 1: Contoh data kajian ragam bahasa sindiran.

Bil	Data kajian
1	“inda hairan dorang ani andang ada menurut kajian orang brunei ani laju kalah NASA . Gaban nya dangan. apa nya Dato isham ‘ steady orang brunei ani awal tau dari saya ’.”
2	“Siapa tah lagi yang menggambar atu? jangan cakap orang awam kan sibuk2 datang kesana kan mengambil gambar, ada tah orang kerajaan di sana tu menyebarkan gambar atu”

Situasi dalam jadual 1 merujuk kepada netizen yang mengemukakan pendapat tentang orang Brunei lebih cepat bertindak dalam menyampaikan maklumat dan kedua ialah pernyataan tentang orang yang terlibat dalam penyebaran berita palsu. Pembuktian dapat dijelaskan berdasarkan penggunaan kata dalam ujaran tersebut. Contohnya penggunaan ‘laju kalah NASA’ dan ‘steady orang brunei ani awal

tau dari saya'. Pernyataan tersebut membawa maksud bahawa memang tidak dinafikan orang Brunei memang selalu pantas dalam hal-hal penyebaran berita palsu lagi-lagi dengan teknologi sedia ada seperti media sosial. Hal tersebut secara tidak langsung ditujukan bukan sahaja kepada pesalah yang disahkan bahkan juga kepada masyarakat Brunei.

Begitu juga dengan contoh kedua dalam jadual 1. Pernyataan 'Orang kerajaan di sana tu' telah menunjukkan unsur sindiran terhadap mereka yang berada di tempat kejadian, dalam konteks ini, bertempat di ICC Berakas (rujuk Lampiran A). Jika mereka yang bukan berada di tempat tersebut, siapa lagi yang patut dipersalahkan? Justeru sindiran dibuat dalam komen *Instagram* @mohbrunei bagi menegur dan membuka minda orang ramai bahawa individu yang bersalah memang tidak lain dan tidak bukan, orang yang bekerja atau bertugas di kawasan terbabit.

2) RAGAM BAHASA MENGEJEK

Ragam bahasa mengejek merupakan ragam bahasa yang mengata terhadap seseorang yang bertujuan untuk memburuk-burukkan serta mempersendakan individu tersebut supaya kelihatan bodoh (Za'ba, 2002).

Jadual 2: Contoh data kajian ragam bahasa mengejek.

Bil	Data kajian
1	" Babal tu yang memulakn maklumat palsu tu... tuyu , apa kh yang ya dpt mbual urg"
2	"Because of this..panic buying meletup lagi bah nanti.. stupid eh"

Situasi dalam jadual 2 menggambarkan tentang ejekan netizen terhadap individu yang menyebarkan berita palsu sehingga mengeluarkan kata-kata kesat. Seperti yang dinyatakan sebelumnya, ragam bahasa ini bertujuan memburuk-burukkan individu yang ditunjukkan dengan penggunaan bahasa yang kasar seperti kata-kata kesat. Contohnya penggunaan kata 'babal', 'tuyu' dan 'stupid' dalam contoh ragam bahasa di atas. 'Babal' menurut Exzayrani dan Mohamad Elmy (2020) bermaksud degil yang diambil daripada dialek Melayu Brunei (seterusnya DMB). Begitu juga dengan kata 'tuyu' dalam DMB, lazimnya merujuk kepada cara berfikir atau berkaitan dengan otak dan kesihatan mental yang membawa maksud kurang siuman atau tidak berakal. Di sini jelas membuktikan penggunaan ragam bahasa yang berunsurkan dialek juga telah dikenal pasti. Selaras dengan definisi yang dikemukakan oleh Finegan (2004), iaitu ragam bahasa terdiri daripada dialek dan laras bahasa.

Manakala dalam contoh kedua di atas, penggunaan kata kesat bahasa Inggeris (seterusnya BI) 'stupid' dikenal pasti untuk mengejek pesalah. Menurut Kamus Inggeris-Melayu Dewan dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 'stupid' bermaksud bodoh atau tolol. Penggunaan bahasa kesat tersebut telah membuktikan ragam bahasa mengejek digunakan oleh netizen bertujuan menampakkan kebodohan seseorang dalam bertindak atau melakukan sesuatu perkara yang tidak sepatutnya dibuat.

3) RAGAM BAHASA HERDIK

Za'ba (2002) mendefinisikan ragam bahasa herdik sebagai ragam bahasa yang menunjukkan kesalahan seseorang yang merujuk pada masa itu juga bukan kesalahan yang lalu. Ragam bahasa ini hampir sama dengan ragam bahasa tempelak dan mengandungi sedikit perkataan mengejek.

Jadual 3: Contoh data kajian ragam bahasa herdik

Bil	Data kajian
1	" Tangkap tia yang menyebarkan atu! Biar ya penjarakan tia"
2	" Tangkap tia anu urang memVIRAL inda tantu ani!! Makin bangang tah pulang"

3	“Bah cari tia punca n siapa yang paling awal menaip n mensend atu!!! jarakan tia sekaliiiiiii!!! Matingal babal bannaarrrrr.”
----------	---

Berdasarkan tiga contoh di atas, jelas menggambarkan jenis ragam bahasa herdik kerana sifatnya yang menunjukkan kesalahan seseorang dan penggunaan bahasa yang kasar. Menurut Kamaruddin dan Siti Hajar (1997), dalam bahasa herdik, penggunaan kata adalah agak keras, kasar dan sedikit mengejek yang bertujuan untuk memarahi atau menengking seseorang. Contohnya kata ‘tangkap’, ‘penjarakan’, ‘memVIRAL’ ‘jarakan’ yang digunakan dalam ketiga-tiga contoh menunjukkan perasaan marah netizen terhadap pesalah. Sebagai tambahan, ciri tanda baca seperti tanda seru juga telah memperlihatkan perasaan marah yang menunjukkan penggunaan ragam bahasa herdik. Selain itu, penggunaan kata kesat yang berbentuk ejekan atau makian juga diselitkan seperti kata ‘bangang’ dan ‘babal’ dalam DMB yang masing-masing membawa maksud bengang dan degil. Kata makian adalah bentuk kata afektif yang wujud dalam komunikasi (Sudaryanto, 1982). Di sini jelas membuktikan penggunaan ragam bahasa herdik dikenal pasti dalam ruang komen *Instagram* @mohbrunei yang bertujuan menampakkan kesalahan berkaitan isu berita palsu yang tular tentang situasi COVID-19.

4) RAGAM BAHASA MELAMPAU

Za’ba (2002:215) mendefinisikan ragam bahasa melampau sebagai:

“... ragaman bahasa yang mengatakan sesuatu perkara itu sangat besar dan sebagainya dengan perkataan melebihi-lebih daripada yang sebenar. Dan semua orang mengerti bukan sungguh seperti yang dikatakan oleh perkataan itu”.

Jadual 4: Contoh data kajian ragam bahasa melampau

Bil	Data kajian
1	“Mbri beliang ati bah tbca time ku bru kn mkn. Nuhun nafsu sljur. Nasib jua berita palsu. Syukur alhamdulillah.”
2	“Kalau banar lockdown ada bh moh bagitau membgi masa tuk mmbli naindah brg dapur apa. Inda jua kn tarus2 lockdown.. mun tarus2 lockdown awu kebulur urg tu dirumah nada makanan persediaan.. atu lah dalam pikiran ku..”

Daripada contoh dalam jadual 3, penggunaan bahasa melampau dalam konteks tersebut ialah ‘nuhun nafsu’ dan ‘kebulur’. Dalam contoh pertama, penggunaan ‘nuhun nafsu’ bermaksud tidak mempunyai selera khususnya dalam konteks makanan. Berkaitan isu berita palsu di atas, individu tersebut cuba mengatakan bahawa beliau menerima berita palsu tersebut semasa hendak makan sehingga menimbulkan rasa takut apabila mendengar berita palsu mengenai *lockdown*. Begitu juga dengan contoh kedua dengan kata melampau ‘kebulur’ dinyatakan jika sekiranya perintah *lockdown* itu disahkan kerana orang ramai ditakuti tidak sempat untuk membeli barang asasi sebagai stok. Ragam bahasa melampau lazimnya digunakan untuk menggambarkan sesuatu perkara secara berlebihan agar dapat menarik audiens untuk membacanya (Norazilah Buhari et al., 2020).

5) RAGAM BAHASA BERULANG

Ragam bahasa berulang didefinisikan apabila bahasa tersebut dinyatakan secara berulang bertujuan memperkuatkan lagi maksud yang cuba disampaikan oleh penutur (Za’ba, 2002).

Jadual 5: Contoh data kajian ragam bahasa berulang

Bil	Data kajian
1	“Nda pandai kan jara....balik2 di ingati, masih jua kan menyebarkan info palsu. Sadang2 tah eh. Jgn di tambah lagi stress ke arah stress yang sudah ada.”
2	“Potong tya kedua2 ibu jari pelaku. Sebagai hukuman. Kalo stakat penjara, i dont think it works. Kalo nada ibu jari . Stop jua activity nya kan mpos nendah nda sahah.”
3	“nada keraja ni orang yang membuat berita palsu ani ... baik tah cari keraja lai ...”

Dalam ragam bahasa berulang, penggunaan bahasa mengandungi ciri perulangan sama ada perkataan atau ayat yang bertujuan memperkukuhkan lagi maksud yang cuba disampaikan. Seperti dalam contoh di atas, penggunaan kata yang berulang dikenal pasti seperti ‘stress’, ‘ibu jari’ dan ‘keraja’ yang masing-masing membawa maksud tekanan, ibu jari dan kegiatan yang menghasilkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2008). Contoh pengulangan dalam data pertama ialah kata ‘stress’. Penutur cuba memperkuat lagi pernyataan tentang keadaan negara yang dilanda gelombang kedua pandemik COVID-19 sudah banyak menimbulkan tekanan. Ditambah lagi dengan isu berita palsu tentang penutupan dan penyekatan sepenuhnya (*full lockdown*) yang menjadikan keadaan semakin buruk jika disahkan. Begitu juga dengan contoh dalam data ketiga, pengulangan kata ‘keraja’ atau ‘kerja’ dalam bahasa Melayu Standard (seterusnya BMS). Penutur cuba membuat penekanan terhadap pesalah yang sepertinya tidak ada pekerjaan lain selain menyebarkan berita palsu sehingga menakutkan orang ramai berkaitan isu *lockdown* situasi gelombang kedua COVID-19 di NBD.

Nilai dalam berbahasa adalah penting dan sentiasa ditekankan oleh masyarakat Melayu ketika berkomunikasi (Hafidzoh, 2013). Media sosial merupakan sebuah platform yang sangat berpengaruh dan menjadi pilihan untuk menyampaikan maklumat (Siti Ezaleila Mustafa, 2015). Penggunaan bahasa dalam media sosial wujud dengan pelbagai variasi dan berkembang dari semasa ke semasa mengikut situasi dan konteks. Selaras dengan pendapat Amat Juhari (1996) mengatakan ragam bahasa wujud atas dasar keadaan, suasana dan bidang, tambahan lagi penggunaan bahasa terutama sekali dalam rantau Asia dipengaruhi oleh satu bahasa ke atas bahasa lain (Metzger, 2020).

Berdasarkan penelitian dalam analisis, kajian mendapati sebanyak sembilan ragam bahasa dalam ruang komen *Instagram* Kementerian Kesihatan Brunei (@mohbrunei) berkaitan isu penyebaran berita palsu situasi COVID-19 di NBD. Ragam bahasa tersebut ialah ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa terbalik, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa herdik, ragam bahasa melampau, ragam bahasa naik, ragam bahasa seruan atau mengeluh dan ragam bahasa berulang. Walau bagaimanapun, lima daripada sembilan ragam bahasa telah dianalisis sebagai bentuk ragam bahasa yang paling dominan dalam data kajian. Ragam bahasa sindiran merupakan antara penggunaan bahasa yang kerap dijumpai dalam media sosial lagi-lagi dalam ruang komen seperti *Instagram*. Dalam konteks ini, penggunaan ragam bahasa sindiran digunakan untuk menyedarkan orang ramai bahawa kelompok sosial di Brunei juga memang tidak lari dari menyampaikan dan menyebarkan berita dengan pantas tanpa diketahui kesahihannya. Ragam bahasa mengejek pula telah memperlihatkan sikap netizen yang tidak lari dari melontarkan kata-kata kesat terutama sekali kepada pesalah. Berdasarkan pemilihan dan pemerhatian, ragam bahasa herdik antara yang paling dominan dijumpai dalam data kajian. Selaras dengan isu yang tular berkaitan berita palsu, ragam bahasa herdik yang digunakan untuk menampakkan kesalahan seseorang dalam gaya bahasa yang agak kasar dan sedikit mengejek.

Selain itu, kajian juga menemukan penggunaan ragam bahasa melampau, memperlihatkan sikap netizen yang suka memperbesarkan keadaan dan perkara yang cuba disampaikannya. Seperti dalam contoh data kajian tentang orang ramai menghadapi masalah kebuluran jika sekiranya berita tentang penutupan dan penyekatan sepenuhnya (*full lockdown*) disahkan oleh Kementerian Kesihatan berikutan jangkitan wabak COVID-19. Penekanan juga didapati dalam komen netizen dalam *Instagram* @mohbrunei dan hal tersebut telah membuktikan penggunaan ragam bahasa berulang seperti yang dikemukakan oleh Za’ba (2002). Perkataan berulang dijumpai sebagai pembuktian ragam bahasa berulang dalam data kajian seperti ‘stress’ dan ‘keraja’. Dengan itu, kajian telah menemukan lebih separuh jenis ragam bahasa dalam komen *Instagram* berkaitan isu penyebaran berita palsu COVID-19

berdasarkan kerangka konsep ragam bahasa Za'ba (2002). Secara tidak langsung, kajian telah mendedahkan tentang sikap kelompok sosial di NBD berkaitan isu tular dalam media sosial khususnya *Instagram*. Sebagai contoh hal berkaitan cara masyarakat dalam menggunakan media sosial sebagai alat untuk menyampaikan maklumat. Kebebasan dalam menggunakan media sosial telah menyebabkan pengguna berasa mempunyai hak penuh dalam mengemukakan dan menyampaikan maklumat secara berleluasa, namun tanpa mereka sedar bahawa maklumat yang cuba disampaikan tersebut boleh sahaja melanggar etika berkomunikasi lagi-lagi dalam media sosial yang bersifat luas dan mempunyai pengaruh yang besar. Justeru, penggunaan bahasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat apatah lagi dalam platform yang berpengaruh seperti media sosial *Instagram* yang mudah diakses oleh pelbagai peringkat umur.

KESIMPULAN

Rumusnya, kajian ragam bahasa ini telah mengenal pasti beberapa jenis ragam bahasa dalam media sosial khususnya *Instagram* berkaitan situasi semasa iaitu penularan wabak COVID-19 gelombang kedua di NBD. Keplbagaian ragam bahasa dalam ruangan komen @mohbrunei secara tidak langsung telah memperlihatkan identiti kelompok sosial di Brunei. Analisis kajian juga telah membuktikan bahawa penggunaan gaya bahasa seperti ragam sindiran, herdik dan berulung telah membuktikan bahawa penggunaan bahasa sentiasa dikaitkan dengan situasi dan keadaan tertentu selaras dengan pernyataan Asmah (2007) di atas. Sebagai cadangan, kajian ragam bahasa dalam media sosial perlu diteruskan namun dengan data yang lebih banyak bagi melihat variasi bahasa dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian juga boleh dibuat berkaitan perbandingan ragam bahasa dalam beberapa aplikasi dalam media sosial selain mengenal pasti jenis-jenis ragam bahasa yang digunakan.

RUJUKAN

- Abodunrin, O., Oloye, G., & Adesola, B. (2020). Coronavirus pandemic and its implication on global economy. *International journal of arts, languages and business studies*, 4.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim dan Noor Aida Mahmor. (2016, Oktober). *Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial*. Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair.
- Amirah Ahmad, Noriza Daud, Norizah Ardi, & Nurrissammimayantie Ismail. (2019). Ragam bahasa media sosial dalam isu yang sohor kini. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Andriyana, Daroe Iswatiningsih, Jenal Mahmud, Ode Evi Yulianti, Ton Thi Thuy Trang. (2021). Tiktok terhadap variasi bahasa kolokial pada kalangan remaja indonesia (kajian etonolinguistik). *Fon: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 17(1), 34-41.
- Arba'ie, S. (2010). *Perpaduan masyarakat dalam genre sastera dari perspektif sosio-stilistik*. Dlm Y. Mohd Sharifudin, S. Arba'ie & H. Zaitul Azma Zainon (Eds.), *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Arianti, V. (2020). *An Analysis Of Language Variation On Covid-19 Vlog*.
- Asmah Hj Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan dan Nik Norazira Abd Aziz' (2020). Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Sains Insani*, 5(1), 157-166.
- Corder, P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. London: Penguin.
- Covid map: Coronavirus cases, deaths, vaccinations by country*. (2021, October 7). Diambil dari <https://www.bbc.com/news/world-51235105>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
- Exzayrani Sulaiman, dan Mohamad Elmy Maswandi Suhaimi. (2020). Analisis Neologisme: COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 58-79.
- Faridah Nazir. (2013). Ragam Bahasa Komuniti Pakistan: Suatu Analisis Linguistik. *Journal of Techno Social*, 5(1).

- Finegan, E. (2004). *Language: Its Structure and Use*. Massachusetts: Wadsworth.
- Hafidzoh, S. S. (2013). Kesantunan berbahasa dalam komunikasi tulisan: Analisis kajian guru-guru Bahasa Melayu. Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012*. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, M., Adil, S. F., Alkathlan, H. Z., Tahir, M. N., Saif, S., Khan, M., & Khan, S. T. (2021). COVID-19: a global challenge with old history, epidemiology and progress so far. *Molecules*, 26(1), 39.
- Kridalaksana, Harimurti. (1993). *Kamus Linguistik*. Edisi Ketiga. Jakarta: PT Gramedia.
- Lux, K. (2011). What is Instagram and why is it so popular. *School of Information Studies Syracuse University*.
- Media Sandra Kasih. (2003). Ragam Bahasa, Ciri dan Fungsinya. *Dewan Bahasa*, Julai 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Metzger, L. (2020). Keragaman Bahasa-bahasa Asia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 1-6.
- Moain, A. J. (1996). *Sociolinguistik dan Sosiologi Bahasa*.
- Oktavia, W., & Hayati, N. (2020). Pola Karakteristik Ragam Bahasa Istilah Pada Masa Pandemi Covid 19 (Coronavirus Disease 2019). *Tabasa: jurnal bahasa, sastra indonesia, dan pengajarannya*, 1(1), 1-15.
- Piliang, Y. A. (2003). *Hipерsemiotika : Tafsir Cultural Studis atas matinya makna*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Saussure, F. D. (1995). *Cours de linguistique générale*. Paris: Payot.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2015). Media jaringan sosial: Penggunaan dan pengaruhnya. Kuala Lumpur: Penerbit Univesiti Malaya.
- Sudaryanto, dkk. (1982). "Kata-Kata Afektif dalam Bahasa Jawa". Laporan Proyek Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Yogyakarta : Departemen Pendidikan
- Wong, J., Chaw, L., Koh, W. C., Alikhan, M. F., Jamaludin, S. A., Poh, W. W. P., & Naing, L. (2020). Epidemiological investigation of the first 135 COVID-19 cases in Brunei: implications for surveillance, control, and travel restrictions. *The American journal of tropical medicine and hygiene*, 103(4), 1608.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16, 62-74.